


# Tiga penuntut maut

Stuar 13/6/2011 52.

*Kereta bertembung setelah masuki lorong bertentangan*



**Kemalangan berlaku apabila Myvi memasuki laluan bertentangan sebelum bertembung dengan Hilux yang mengorbankan tiga penuntut dari Kolej Pendidikan Perdana Shah Alam. Gambar dari kiri, Zulhelme, Nor Aini dan Siti Aminah**

**SABAK BERNAM** - Tiga maut dalam satu kemalangan ngeri di Kilometer 46 Jalan Klang - Teluk Intan dekat Kampung Pancang Bedena melibatkan sebuah kereta Produa Myvi dan Pacuan empat roda Toyota Hilux.

Pertembungan itu menyebabkan penuntut Kolej Pendidikan Perdana yang duduk di bahagian penumpang sebelah pemandu, Nor Aini Abd Razak, 19, dari Taman Pertama, Sabak meninggal dunia di lokasi kejadian.

Manakala sepupunya, Siti Aminah Ibrahim, 19, dari

Teluk Gong yang duduk di bahagian belakang dan pemandu, Muhammad Zulhelme Muhammad Saidin, 22, menghembuskan nafas terakhirnya di Hospital Tengku Ampuan Jemaah (HTAJ).

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Noor Mushar Mohamad berkata, kemalangan kira-kira jam 1.30 petang berlaku apabila kereta Myvi dari arah Klang tiba-tiba masuk ke lorong bertentangan lalu bertembung dengan Hilux dari Teluk Intan.

"Dalam kemalangan itu

kereta Myvi dipandu Zulhelme terbalik manakala pemandu Hilux mengalami kecederaan ringan," katanya.

Difahamkan Nor Aini pulang ke kampung untuk mengambil peralatannya yang tertinggal di rumah ditemani Zulhelme dan Siti Aminah.

Noor Mushar berkata, setiap pengguna jalan raya perlu berhati-hati terutamanya di antara Tanjong Karang - Sabak Bernam yang dikenal pasti sebagai kawasan kemalangan.

"Dengan keadaan jalan yang beralun, pengguna di-

nasihatkan tidak memandu laju" katanya.

Rakan karib Nor Aini, Fasha Erma Mohd Khomari, 19 dari Taman Muhibah ketika ditemui berkata, Nor Aini menghubungi pada jam 1.05 petang untuk bertemu setibanya mereka tiba di Sabak Bernam tetapi sebaliknya menerima berita kemalangan.

Sementara itu suasana sedih menyelubungi perkarangan rumah mayat HTAJ dengan kehadiran ahli keluarga ketiga-tiga mangsa yang sabar menunggu proses bedah siasat oleh pihak hospital.